



# Jari Menjadi Juri

## Realiti TV & Masyarakat Islam di Malaysia

Unsur gharar atau transaksi berisiko yang meninggalkan kesan kewangan dan sosial terhadap khalayak dan juga pengguna media interaktif mungkin menyedarkan masyarakat Islam yang kurang arif akan batas-batas syariah mengenai gharar yang tercatat di dalam Al Quran.

Oleh NUR KAREELAWATI ABD. KARIM

“Siapakah yang akan tersingkir pada minggu ini?” Begitulah persoalan yang sering dilontarkan oleh pengacara Akademi Fantasia, Aznil Haji Nawawi kepada penonton di studio dan di rumah. Konsert mingguan secara langsung ini ditayangkan setiap malam Sabtu selama sembilan musim sejak ia mula dipopularkan dalam tahun 2003 – 2010 di Saluran Astro Ria (104). Tidak kurang juga, slogan “Jari menjadi Juri” yang menjadi dorongan yang amat kuat kepada khalayak yang juga merupakan peminat setia Akademi Fantasia.

Semenjak siri Survivor dipertontonkan kepada khalayak di Malaysia, masyarakat Muslim di negara ini mulai terdedah kepada format baru rancangan televisyen yang dikenali sebagai program realiti. Namun begitu, Survivor tidak mendorong penonton untuk mengundi seperti program realiti TV Akademi Fantasia, Sehati Berdansa, Mari Menari, Mentor dan One in a Million. Mungkinkah kombinasi hiburan dan keterujaan yang menjerumuskan penonton ke dalam dunia interaktif? Siapakah di kalangan penonton realiti TV yang paling mudah terpengaruh dengan slogan “Jari menjadi Juri” ini?

Realiti TV berunsur hiburan di Malaysia sememangnya telah memberi impak yang amat besar kepada khalayak Melayu. Melayu di Malaysia selalunya lebih sinonim dengan masyarakat Islam. Adakah kita sedar bahawa masyarakat Islam sememangnya telah ‘dijual’ kepada industri periklanan dan kandungan media penyiaran berunsur hiburan?

Penulisan ini bertujuan mengupas dilema masyarakat Islam di Malaysia yang merupakan majoriti penonton realiti TV berunsur hiburan merangkap pengguna media interaktif.

### Masyarakat Islam dan Realiti TV

Muzik dan hiburan sentiasa di hati masyarakat Melayu di Malaysia. Lihat saja saluran Astro, kebanyakan saluran diwujudkan untuk memenuhi cita rasa penonton Melayu yang gemarkan hiburan (Mac 2008: AGB Nielsen)

Arianna). Berbanding stesen TV swasta dan kerajaan, saluran satelit TV Astro telah menakluki majoriti penonton Melayu iaitu sebanyak 46% daripada perkongsian saluran, TV3 cuma 25%, TV2 7% manakala NTV7 dan 8TV masing-masing sebanyak 6%. TV1 dan TV9 pula menguasai hanya 5% penonton Melayu (Januari 2008: AGB Nielsen Arianna).

Sebanyak 77% peningkatan langganan genre hiburan di kalangan khalayak Melayu sejak tahun 2004. Diramalkan juga lebih 2.3 juta isi rumah dan 10 juta penonton berpotensi mewarnai saluran-saluran Melayu Astro pada suku ke dua 2008. Astro turut memfokus kepada peningkatan peratus khalayak kawasan bandar iaitu sebanyak 49% berusia 15 tahun keatas berpendapatan lebih RM2000, 50% golongan profesional, pengurusan, eksekutif, dan peniaga (Mac 2008: AGB Nielsen Arianna). Sebagai stesen satelit yang berjaya memonopoli bilangan penonton Melayu, Astro telah berjaya menawan lebih 1.2 juta isi rumah kaum Melayu menerusi rancangan-rancangan yang disiarkan di saluran-saluran Melayu di Astro (2008: Astro Gempak Universe).

Pola penontonan program-program popular di Astro terus meningkat di kalangan khalayak berbangsa Melayu. Akademi Fantasia sahaja telah menarik 1.2 juta penonton semasa konsert akhir musim ke tujuh (2009), Raja Lawak seramai 1.2 juta penonton di pertandingan akhir musim ke tiga, manakala Sehati Berdansa, rancangan realiti popular menawan jutaan penonton. Jangan Lupa Lirik pula telah menarik 500,000 penonton cuma dalam jang kamasu seminggu.

Penambahan rancangan hiburan berformat realiti untuk masyarakat Melayu juga boleh ditafsirkan sebagai peningkatan bilangan penonton dan pengguna media baru yang berbangsa Melayu dan beragama Islam dalam. Masyarakat Islam yang aktif dalam peraduan SMS (Short Message Service Contest) atau pesanan ringkas, chat dan undian SMS (SMS voting) baik melalui saluran interaktif, telefon mudah alih, dan laman web. Melalui pengalaman dan pengamatan penulis ke atas senarai-senarai nama pemenang peraduan SMS di laman-laman web, ratio pengguna Melayu kepada pengguna bangsa Cina dan lain-lain ialah 8:2. Adakah fenomena ini harus dibanggakan atau dibimbangi masyarakat Islam?

Memandangkan peminat setia dan peserta terlibat dengan program realiti merupakan bangsa Melayu beragama Islam, maka menjadi tanggungjawab masyarakat Islam seluruhnya untuk mengenalpasti beberapa elemen

yang mungkin membawa masyarakat kepada budaya yang kurang sihat serta pembaziran. Penulisan ini bertujuan meninjau beberapa kesan ekonomi dan sosial yang dibawa oleh realiti TV kepada masyarakat Malaysia amnya, dan masyarakat Islam khususnya.

### Jari Menjadi Juri

Slogan "Jari Menjadi Juri" sering diluncurkan pada setiap konsert mingguan Akademi Fantasia. Slogan ini terus mendorong penonton AF untuk terus mengundi melalui SMS. AF adalah rancangan realiti nombor satu di Malaysia yang bertahan sehingga lapan musim dan merupakan rancangan realiti yang diadaptasi daripada rancangan realiti Mexico, La Academia.

Semasa proses mengundi idola pilihan, jari yang menekan butang telefon bimbit menjadi simbol kepada aktiviti undian SMS. Secara tidak langsung mengajak khalayak untuk terus aktif mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang melibatkan media interaktif memastikan kemenangan artis pujaan mereka. Tanpa disedari, penonton juga menjadi juri kepada pertandingan mencari idola remaja ini.

### Unsur Gharar di dalam Peraduan Interaktif?

Perihal yang menjadi isu dari perspektif Syariah ialah kemungkinan wujudnya individu-individu di kalangan masyarakat Islam yang 'teruja' untuk memenangi hadiah-hadiah yang ditawarkan kepada pengundi SMS terpentas, terbanyak dan sebagainya. Tanpa disedari, masyarakat Islam terjebak dengan unsur gharar di dalam usaha memenangi peraduan-peraduan yang ditawarkan media interaktif.

Gharar ialah perkataan Arab yang bermaksud risiko atau ketidakpastian. Ia berasal daripada taghreer yang bermaksud penipuan yang termasuklah perbuatan yang mendedahkan seseorang, orang lain atau hartabenda kepada sesuatu risiko. El-Gamal (2001:2) mendefinisikan gharar sebagai risiko (risk) dan menterjemahkan bay'u al-gharar sebagai jualbeli atau muamalat berisiko (trading in risk).

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Islam melarang setiap peraduan yang bergantung kepada nasib yang berunsur perjudian sepertimana firman Allah SWT di dalam Al Quran surah 2: 219 yang bermaksud:

*"Mereka bertanya kepadamu tentang khamar (minuman memabukkan) dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi*

*manusia."*

Menurut Al Quran surah Al-Maidah (5:90) pula, perjudian yang berunsur nasib dan perjudian dilarang kerana ia mengundang permusuhan dan kebencian yang menjerumuskan manusia ke lembah penindasan.

Ibn Taymiyyah turut menambah mengenai hukum kepada amalan berisiko ini dimana menurut beliau, jual beli atau transaksi yang mengandungi unsur gharar dan menggugat kedudukan ekonomi pihak lain adalah setimpal dengan judi, yang demikian hukumnya haram (El-Gamal, 2001).

Memandangkan teknologi telefon bimbit berkembang pesat sejajar dengan format realiti TV di Malaysia, khalayak



yang juga pengguna teknologi ini semakin terjerumus ke dalam budaya sosial yang kurang sihat seperti tamak, pentingkan diri sendiri, dan materialistik. Berdasarkan pengalaman penulis semasa berada di dalam industri interaktif media, pengguna atau konsumer media interaktif terbahagi kepada empat kategori iaitu:

1. Pengundi SMS (SMS Voter) dan peserta aktif dalam Peraduan SMS (SMS Contest Participant).
2. Pengundi SMS dan peserta yang sesekali mengambil bahagian di dalam Peraduan SMS.
3. Pengundi SMS (tidak berminat dengan Peraduan SMS).
4. Peserta Peraduan SMS (tidak menghantar undian SMS).
5. Meninjau aspek mekanik peraduan (contest mechanics) pula boleh dibahagi kepada dua jenis iaitu:
6. Pengundi Tertinggi bilangan undian menerusi SMS.
7. Kuiz menerusi SMS.

Bagi Peraduan Pengundi Tertinggi - penghantar SMS terbanyak dari kalangan khalayak yang mengundi artis atau idola kesayangan mereka. Mereka harus menghantar sebanyak undian yang boleh bagi melayakkan diri ke Kumpulan 66 Teratas (Top 66). Setelah berada di

dalam kalangan 66 pengundi terbanyak ini, barulah mereka layak untuk ke fasa pemenang mingguan Pengundi Tertinggi. Secara ringkasnya Peraduan Pengundi Tertinggi yang berjalan selama lapan minggu ini sebenarnya melalui dua fasa iaitu:

**Fasa Pertama:** Pengundi harus membuang undi 'terbanyak' ke atas artis pilihan mereka yang masih bertanding di dalam rancangan hiburan realiti ini untuk layak berada di kalangan Top 66. Pengundi yang berada di tangga teratas di kalangan Top 66 ini dikira ketangkasannya melalui ukuran mili-saat (milisecond). Setelah berjaya berada di tempat pertama dalam pusingan mingguan, pengundi ini layak untuk masuk ke pusingan seterusnya iaitu



Pemenang Hadiah Utama (Grand Prize).

**Fasa Ke Dua:** Lapan orang Pemenang Pengundi Tertinggi Mingguan berentap sesama sendiri untuk menjadi pengundi terpanjang dan paling tepat jawapannya dalam minggu ke sembilan yang juga minggu terakhir rancangan realiti. Pemenang minggu ke sembilan layak untuk memenangi hadiah utama.

Hal yang jarang difahami atau disedari oleh pengguna atau pengundi SMS contohnya adalah kedudukan mereka dikalangan Top 66 dimana mereka terpaksa berentap dengan 65 orang peserta yang lain untuk menjadi pemenang mingguan. Mereka yang terlibat menjawab soalan kuiz terpanjang dan paling tepat untuk hadiah utama juga tidak sedar bahawa mereka mungkin dicala sebanyak dua kali iaitu kali pertama, semasa menghantar SMS untuk mendapatkan soalan dan kali kedua, ketika menghantar semula SMS berserta jawapan ke syarikat telekomunikasi

terbabit.

Apakah yang membimbangkan ialah masyarakat Islam khususnya tidak sedar bahawa mereka sebenarnya terjerumus di dalam transaksi yang berunsur gharar yang mana menurut ulama adalah haram merujuk kepada al Quran Surah al Baqarah ayat 219.

### Pembaziran

Situasi pembaziran juga tidak disedari oleh ramai pengguna media interaktif apabila mereka 'melaburkan' wang ribuan ringgit untuk pertaruhan bagi menduduki tempat teratas di kalangan pengundi tertinggi mingguan. Dan sekali lagi mereka membelanjakan ribuan ringgit untuk memenangi hadiah utama. Ekonomi masyarakat Islam mungkin tergugat kerana berbelanja untuk bil telefon dan kad pra-bayar. Lebih-lebih lagi jika aktiviti ini diceburi oleh remaja atau pelajar institusi yang belum berpendapatan yang ghairah melihat hadiah-hadiah lumayan yang disediakan. Wang biasiswa atau pemberian ibu bapa lenyap begitu sahaja. Kepada yang berpendapatan pula, gaji yang diperolehi mungkin habis gara-gara memasuki peraduan SMS terpanjang dan paling tepat jawapannya. Adalah wajar bagi pihak berwajib untuk menilai kembali kemungkinan wujudnya unsur gharar di dalam peraduan-peraduan interaktif. Ini sejajar dengan firman Allah SWT yang melarang hambanya menceburi aktiviti-aktiviti berunsur gharar yang bermaksud:

*"Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya meminum arak, berjudi, berkorban untuk berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan".* (Al-Maidah: 90)

Masyarakat yang cetek pengetahuan agama mungkin menganggap transaksi 'berisiko' seperti ini sebagai menduga akal dan nasib dan aktiviti masa lapang tanpa memikirkan implikasi sosial dan ekonomi yang dibawa oleh media interaktif. Ramai peserta yang ditemubual penulis mengaku mereka masuk peraduan untuk suka-suka. Ramai juga yang mengaku menghabiskan wang ribuan ringgit bagi melayakkan diri ke peringkat hadiah utama dan akhirnya kecewa kerana kerugian.

Bagi kategori peraduan kuiz untuk hadiah utama pula misalnya, kemenangan tertakluk kepada kepakaran (skills) dan pengetahuan peserta yang menonton rancangan hiburan realiti kerana soalan-soalan yang dikemukakan berlegar sekitar rancangan realiti TV terbabit. Terdapat beberapa pandangan ulamak mengenai peraduan yang melibatkan kepakaran. Namun begitu,

menurut Al-Misri (2000: 108) majoriti ulamak menegaskan peraduan tersebut memerlukan peserta neutral yang tidak menyumbang kepada hadiah, jika hal sebaliknya berlaku, keadaan tersebut digelar perjudian (Al-Suwailem, 2000).

Walaupun peraduan ini menuntut kepakaran dan pengetahuan peserta mengenai rancangan hiburan realiti TV terbabit, mekanik peraduan didapati kurang jelas di kalangan peserta dan mengandungi unsur gharar dan berisiko terhadap kedudukan kewangan mereka. Tanpa disedari, masyarakat Islam menjadi mangsa dengan terkejutnya mereka di dalam transaksi berisiko seperti ini.

### Kesimpulan

Sememangnya slogan 'Jari menjadi Juri' yang menjadi tema rancangan hiburan realiti TV berunsur interaktif di Malaysia ini telah mempengaruhi gaya hidup remaja dan masyarakat Islam di negara ini. Khalayak bukan sahaja menonton rancangan realiti tetapi juga berperanan sebagai khalayak aktif yang melibatkan diri di dalam pelbagai aktiviti seperti undian, peraduan, laman sembang (chat) dan sebagainya. Artikel ini bukanlah bertujuan untuk menuding jari kepada mana-mana pihak, hanya sekadar membuka mata masyarakat Islam negara ini yang merupakan golongan khalayak terbesar yang terlibat dengan servis interaktif yang disediakan sempena rancangan realiti tersebut. Unsur gharar atau transaksi berisiko yang meninggalkan kesan kewangan dan sosial terhadap khalayak dan juga pengguna media interaktif mungkin menyedarkan masyarakat Islam yang kurang arif akan batas-batas Syariah mengenai gharar yang tercatat di dalam Al Quran. Keadaan yang wajar dibimbangi ialah kandungan rancangan realiti itu sendiri kerana remaja menilai sesebuah program itu dengan cara yang berbeza. Malah ada yang menganggap babak-babak yang dipaparkan adalah realiti dan menjadi amalan normal di dalam masyarakat. Tidak semua rancangan berunsur realiti itu meninggalkan kesan yang buruk kepada penonton dan pengguna, terdapat juga rancangan yang mendorong khalayak untuk beramal soleh dan menerapkan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat. Justeru, terserah kepada penonton untuk menilai dan menapis antara yang baik dan yang buruk, yang positif dan negatif... ❀

• Penulis seorang pensyarah media dan da'wah di Universiti Sains Islam Malaysia, USIM. Beliau pernah berkhidmat di ASTRO dari 2001 - 2008 sebelum berkecimpung dalam bidang akademik.